

**PENGHASILAN DAN PENILAIAN VIDEO DOKUMENTARI PENDIDIKAN  
DALAM BENTUK CD-ROM BAGI SUBJEK 'ASPEK GELAGAT  
PENGUNA' UNTUK TAJUK KONSUMERISME BAGI PELAJAR  
SEMESTER 5 DI POLITEKNIK PORT DICKSON.**

**MUHAMMAD NAZRI BIN ABDUL HALIM  
(GT 020162)**

**Laporan Projek Sarjana ini dikemukakan sebagai memenuhi sebahagian  
daripada syarat penganugerahan Ijazah Sarjana Pendidikan Teknik dan  
Vokasional.**

**Jabatan Pendidikan Teknik Dan Vokasional  
Fakulti Teknologi Kejuruteraan  
Kolej Universiti Teknologi Tun Hussein Onn**

**OKTOBER 2003**

*Teristimewa buat Abah dan Mak tersayang....*

*Juga buat Abang dan Adik-adik yang dikasihi....*

*Dan teristimewa buat Tunang tercinta...*

*Terima kasih atas bimbingan kalian...*



PTTA UTHM  
PERPUSTAKAAN TUNKU TUN AMINAH

## PENGHARGAAN

Syukur terhadap Ilahi kerana dengan limpah dan kurnia-Nya, dapatlah saya menyempurnakan Projek Sarjana ini pada waktu yang telah ditetapkan.

Saya ingin mengucapkan setinggi-tinggi penghargaan dan jutaan terima kasih kepada En. Mahmad Amir Bin Radzali, selaku penyelia Projek Sarjana 2 kerana beliau telah banyak memberi tunjuk ajar dan bimbingan dalam usaha saya untuk menyiapkan Projek Sarjana ini. Tidak lupa juga ucapan terima kasih ditujukan buat En. Mohd Akbal Bin Abdullah, selaku pembimbing Projek Sarjana 1 kerana beliau telah banyak membantu dan membimbing saya di peringkat awal kajian saya .

Ucapan terima kasih juga ditujukan kepada En. Shukeri Bin Mohamad Ros, pensyarah bagi subjek P 436 Aspek Gelagat Pengguna di Politeknik Port Dickson yang telah banyak membantu di dalam menyempurnakan penyelidikan saya.

Penghargaan juga ditujukan khas kepada Dr. Noraini Bte Kaprawi selaku Ketua Panel dan En. Yunos B. Ngadiman selaku pembaca kedua kerana telah banyak membantu pengkaji terhadap pembetulan penulisan semasa sidang Viva. Penghargaan juga turut diberikan kepada mereka yang terlibat secara langsung atau tidak semasa saya menyiapkan Projek Sarjana ini.

Harapan saya agar semoga Projek Sarjana yang dilakukan ini dapat memberikan manfaat kepada semua pihak. Inshaallah.

Sekian, terima kasih. Wassalam.

## ABSTRACT

This research was carried out to build and evaluates the production of the educational documentary videos in the form of CD-ROM for the 'Consumer Behavior' subject in the title of Consumerism. CD-ROM was built in conjunction with the content of the subject in Polytechnic, with the educational documentary video characteristics necessary and user friendly. This research involved 36 students of the final semester of Diploma in Marketing at Port Dickson Polytechnic (PPD) as research samples. Three instruments were used in this research namely educational documentary videos in the form of CD-ROM for the 'Consumer Behavior' subject in the title of Consumerism, questionnaire and pre and post test. The collected data was analyzed using *Statistical Package for Social Sciences (SPSS)* version 11.5 which involved mean values and standard deviation. The results of the research showed that educational documentary video product in the form of CD-ROM was constructed, received a satisfactory result. Mean values for its content was 4.15, educational documentary video characteristics was 4.12 and the user friendly was 4.12. Standard deviation was 0.67 which was less than 1.00, which meant the answers given by the respondents were stable in general. The production of educational documentary video in the form of CD-ROM was constructed and could still be improved the quality wise. The researcher hoped that would be an effort of improvements and repairs which be carried out by the future researchers on the purpose of upgrading the quality of the educational documentary videos in the form of CD-ROM product.

## KANDUNGAN

<b>BAB</b>	<b>PERKARA</b>	<b>MUKA SURAT</b>
	BORANG PENGESAHAN STATUS TESIS	
	PENGESAHAN PENYELIA	
	HALAMAN JUDUL	i
	PENGAKUAN PENULIS	ii
	DEDIKASI	iii
	PENGHARGAAN	iv
	ABSTRAK	v
	SENARAI KANDUNGAN	vii
	SENARAI JADUAL	xi
	SENARAI RAJAH	xiii
	SENARAI SINGKATAN	xiv
	SENARAI LAMPIRAN	xv
<b>1</b>	<b>Pengenalan</b>	
	1.1 Pengenalan	1
	1.2 Latar Belakang Masalah	4
	1.3 Pernyataan Masalah	9
	1.4 Persoalan kajian	10
	1.5 Objektif Kajian	10
	1.6 Kepentingan Kajian	11
	1.7 Skop Kajian	12
	1.8 Hipotesis Kajian	13
	1.9 Kerangka Kerja Teorikal	13

<b>1.10 Definisi istilah dan Pengoperasian</b>	<b>15</b>
1.10.1 Isi Kandungan	15
1.10.2 Video Pendidikan	15
1.10.3 Video Bercirikan Dokumentari Pendidikan	15
1.10.4 Mesra Pengguna	16
1.10.5 Penghasilan	16
1.10.6 Alat Bahan Bantu Mengajar	16
1.10.7 Pembelajaran	17
1.10.8 Multimedia	17
1.10.9 Subjek 'Aspek Gelagat Pengguna'	17
<b>1.10 Rumusan</b>	<b>18</b>

## **II SOROTAN KAJIAN**

2.1 Pengenalan	19
2.2 Teori Konstruktivisme	19
2.3 Prinsip Pembelajaran Berasaskan Video Pendidikan	21
2.4 Aplikasi Video Pendidikan Di Dalam Teori Pembelajaran	22
2.5 Kepentingan Media Dalam Proses Pengajaran Dan Pembelajaran	24
2.6 Pengaplikasian Aspek Pedagogi Dalam Penggunaan Bahan Media	25
2.7 Penggunaan Elemen Audio Dalam Video	27
2.8 Penggunaan Elemen Visual Dalam Video	28
2.8 Kajian-kajian Lepas	30
2.10 Isu dan Cabaran Penggunaan P&P di Politeknik	32
2.11 Rumusan	34

## **III METODOLOGI KAJIAN**

3.1 Pengenalan	35
3.2 Reka Bentuk Kajian	35
3.3 Lokasi Kajian	36
3.4 Populasi dan Sampel Kajian	36
3.5 Instrumentasi Kajian	37

3.5.1	Cakera Padat Video (VCD)	37
3.5.2	Borang Soal Selidik	38
3.5.3	Ujian Pra dan Pos	39
3.6	Pentadbiran Soal Selidik	40
3.7	Kaedah Penganalisis Data	40
3.8	Prosedur Kajian	41
3.9	Dapatan Kajian Rintis	43
3.10	Andaian Limitasi	45
3.11	Rumusan	46

#### IV

#### REKABENTUK PROTOTAIP PRODUK

4.1	Pengenalan	47
4.2	Latar Belakang Penghasilan Produk	47
4.3	Matlamat Penghasilan Produk	48
4.4	Objektif Penghasilan Produk	49
4.5	Kerangka Teori Penghasilan Produk	50
4.6	Kronologi Pembinaan Produk	51
4.7	Langkah-Langkah dalam Proses Penerbitan Video	54
4.8	Elemen dalam Penghasilan Video	55
4.9	Skop Kandungan Produk	55
4.10	Jadual Kerja Penghasilan Produk	56
4.11	Sasaran Penggunaan Produk	57
4.12	Kegunaan Produk	57
4.13	Batasan Produk	58
4.14	Kelebihan Produk	58
4.15	Permasalahan dalam Pembuatan Produk	58
4.16	Bahan dan Kos Menghasilkan Produk	59
4.17	Rumusan	60

#### V

#### ANALISIS DATA

5.1	Pengenalan	61
5.2	Kebolehpercayaan Instrumen	61
5.3	Analisis Data dan Dapatan Kajian	63
5.3.1	Latar Belakang Responden Kajian	63

		x
	i. Jantina	63
	ii. Bangsa	64
	iii. Aliran Semasa Sekolah Menengah	65
	iv. Menonton Rancangan Pendidikan	66
5.4	Analisis Item dan Perbincangan Bahagian B	66
5.5	Analisis Sampel T Test	75
5.6	Analisis dan Perbincangan Soalan Terbuka	77
5.7	Rumusan Dapatan Kajian	78
<b>VI</b>	<b>PERBINCANGAN, KESIMPULAN DAN CADANGAN</b>	
6.1	Pengenalan	79
6.2	Perbincangan	79
6.3	Kesimpulan	83
6.4	Cadangan	85
	<b>RUJUKAN</b>	<b>89</b>
	<b>LAMPIRAN</b>	<b>93</b>





### SENARAI JADUAL

NO. JADUAL	TAJUK	MUKA SURAT
3.1	Nilai Skor Berdasarkan Darjah Persetujuan	39
3.2	Nilai Koefisien Kebolehpercayaan	44
3.3	Hasil Analisis Koefisien Kebolehpercayaan Kajian Rintis	45
4.1	Carta Gant Jadual Kerja	56
4.2	Bahan dan Kos Menghasilkan Produk	59
5.1	Hasil Analisis Koefisien Kebolehpercayaan Kajian Sebenar	62
5.2	Taburan Responden Mengikut Jantina	63
5.3	Taburan Responden Mengikut Bangsa	64
5.4	Taburan Responden Mengikut Aliran Semasa Sekolah Menengah	65
5.5	Taburan Responden Mengikut Pernah Menonton Rancangan Video Dokumentari Pendidikan	66
5.6	Contoh Tanda Aras Untuk Menilai Keputusan Bahagian Isi Kandungan Video Dokumentari Pendidikan	67
5.7	Skor Min Bagi Bahagian Isi Kandungan Video Dokumentari Pendidikan	68
5.8	Skor Min Bagi Bahagian Ciri-ciri Video Dokumentari Pendidikan	70
5.9	Contoh Tanda Aras Untuk Menilai Keputusan Bahagian Ciri-ciri Video Dokumentari Pendidikan	71

5.10	Skor Min Bagi Bahagian Ciri-ciri Mesra Pengguna	73
5.11	Contoh Tanda Aras Untuk Menilai Keputusan Bahagian Ciri-ciri Mudah Digunakan	74
5.12	Ujian T Sampel Berpasangan (Paired Samples T.Test)	76
5.13	Komen / ulasan responden terhadap video dokumentari pendidikan dalam bentuk CD-ROM bagi subjek P 436 'Aspek Gelagat Pengguna' untuk tajuk Konsumerisme.	77



SENARAI RAJAH

NO. RAJAH	TAJUK	MUKA SURAT
1.1	Kerangka kerja Teorikal	14
2.1	Elemen-elemen Audio	27
2.2	Elemen-elemen Visual	29
3.1	Kerangka Operasi Untuk Prosedur Kajian	42
4.1	Kerangka Penghasilan Produk	50
4.2	Kronologi Pembinaan Produk	51
4.3	Langkah-langkah Dalam Proses Penerbitan Video	54



PTTA UTHM  
PERPUSTAKAAN TUNKU TUN AMINAH

**SENARAI SINGKATAN**

ABBM	-	Alat Bahan Bantu Mengajar
CD ROM	-	Pemain Cakera padat untuk yang menggunakan format komputer sahaja
IT	-	Teknologi Maklumat
PPD	-	Politeknik Port Dickson
P & P	-	Pengajaran dan Pembelajaran
SPSS	-	Statistical Package For Social Sciences
VCD	-	Video Compact Disc



PTTA UTHM  
PERPUSTAKAAN TUNKU TUN AMINAH

## SENARAI LAMPIRAN

LAMPIRAN	TAJUK	MUKA SURAT
A	Borang Soal Selidik	93
B	Ujian Pre and Post	99
C	Jadual Perancangan Penggambaran Video	108
D	Skrip Video	111
E	Skrip Dokumentari Video	119
F	Analisis Data Dan Dapatan Kajian	127
G	Panduan Menggunakan Produk	131
H	Pengesahan Pakar Untuk Produk	133
I	Pengesahan Pakar Untuk Ujian Pre and Post	135



PTT  
PERPUSTAKAAN TUNJUNGAN AMINAH

## BAB 1

### PENGENALAN

#### 1.1 Pengenalan

Perkembangan teknologi pada masa kini sedang pesat membangun. Perkara ini disebabkan oleh proses globalisasi yang sedang berlaku. Pada hari ini, seluruh negara telah merasakan perubahan di dalam bidang teknologi maklumat dan komunikasi. Persaingan masyarakat dunia yang hebat dalam abad ke-21 ini telah membawa kepada perubahan daripada era masyarakat industri kepada era masyarakat bermaklumat. Perkembangan dan penerokaan yang berterusan dalam bidang sains dan teknologi telah menyebabkan kehidupan manusia menjadi lebih maju dan sistematik. Telah banyak aplikasi kemajuan dalam bidang sains dan teknologi dapat digunakan untuk membantu manusia meringankan tugas seharian mereka di samping membantu mereka untuk meneroka ilmu-ilmu dan pengetahuan yang lebih luas.

Perbincangan mengenai globalisasi dan corak pendidikan dunia tidak akan lengkap tanpa adanya penjelasan apakah yang dimaksudkan dengan apa yang dimaksudkan sebagai globalisasi. Menurut Messier dan Margaret (2002) menyatakan, *"In today's world, distance is no longer a barrier to market entry, technologies are rapidly replicated by competitors, and information and*

*communications technologies are shaping a new economic order*” yang bermaksud globalisasi merupakan suatu proses menjadikan dunia sebagai suatu perkampungan global di mana tiada sebarang sekatan ke atas seseorang individu ataupun organisasi untuk memasuki negara yang lain. Ketika itu juga, berlaku perkembangan dan peningkatan penggunaan teknologi secara pesat di samping pengaruh teknologi komunikasi dan maklumat (ICT) yang cukup besar dalam mempengaruhi pembentukan keadaan dunia yang baru. Walaupun kesan globalisasi lebih banyak tertumpu pada perkembangan teknologi maklumat dan langkah ke arah sistem ekonomi global yang lebih terbuka namun ia turut memberi impak dan kesan terhadap corak pendidikan sedia ada (Messier dan Margaret, 2002).

Perubahan ini turut menimbulkan cabaran baru kepada institusi pendidikan di seluruh dunia. Perubahan dalam pendekatan proses pengajaran dan pembelajaran berlaku akibat daripada perubahan di dalam perkembangan teknologi ini. Di antaranya ialah perubahan fokus daripada pengajaran yang berpusatkan guru kepada pembelajaran yang berpusatkan pelajar. Pernyataan ini telah disokong oleh Imran Idris (1993) menyatakan bahawa perkembangan yang begitu pesat dalam menjadikan negara sentiasa bersedia menghadapi arus globalisasi, pendidikan negara amnya dan pendidikan teknik dan vokasional khususnya perlu memainkan peranan yang sewajarnya bagi memastikan perubahan-perubahan dunia pekerjaan dapat diatasi.

Dalam hal ini, pelajar menjadi fokus kepada aktiviti pembelajaran yang berorientasikan kepada proses penerokaan dan penemuan berdasarkan kepada pendekatan teori konstruktivisme. Perkembangan baru ini telah mewujudkan persekitaran pembelajaran baru yang lebih fleksibel dari segi masa, tempat, kaedah dan bahan pembelajaran, di samping mewujudkan lebih peluang untuk proses kolaborasi yang lebih meluas dalam proses pendidikan (Nunan, 1996).

Malaysia yang kini sedang menuju ke era perkembangan teknologi maklumat dan komunikasi atau *Information and Communication Technology (ICT)* turut tidak mahu ketinggalan di dalam arus perubahan teknologi dalam usaha untuk bersaing dengan negara-negara maju seperti negara Amerika Syarikat dan Jepun. Arus perubahan teknologi maklumat dan globalisasi sedunia ini sebenarnya telah mencorakkan perubahan kepada pendidikan di Malaysia untuk menerokai,

membangunkan dan melaksanakannya. Sehubungan dengan itu, dasar pendidikan negara dirombak sejajar dengan kehendak negara dalam usaha melahirkan masyarakat yang mempunyai pelbagai kemahiran dan pendidikan yang bertaraf dunia. Adalah perlunya perubahan teknologi yang terkini ditangani dengan betul bagi melahirkan masyarakat Malaysia khususnya graduan masa kini yang celik IT.

Berdasarkan kepada pembentangan usul mengenai Rancangan Malaysia Kelapan yang telah dibentangkan oleh Perdana Menteri Malaysia, Datuk Seri Dr. Mahathir Mohamad di Dewan Rakyat, beliau menyatakan bahawa dalam tempoh 5 tahun akan datang, Malaysia akan menjadi hub ICT dan media di peringkat global. Selain itu, bagi menyokong pembangunan yang didorong melalui tenaga kerja berkemahiran tinggi, berpengetahuan dan mudah dilatih, kemajuan ketara telah negara kecapai dalam menyediakan lebih banyak peluang kepada rakyat Malaysia untuk menjalani latihan dan pendidikan. Kesemua kemajuan yang telah terlaksana sudah terangkum dalam sebahagian laporan prestasi Rancangan Malaysia Ketujuh (RM7). Sebagai langkah untuk menangani sebarang perubahan kesan daripada globalisasi terutamanya dalam dunia pekerjaan, pendidikan merupakan faktor utama yang perlu diberikan penekanan khusus (Imran Idris, 1993).

Teknologi maklumat bukan suatu perkara yang asing bagi masyarakat dunia pada hari ini. Teknologi maklumat merujuk kepada penggunaan item dan keupayaan dalam penciptaan, penyimpanan dan penyebaran maklumat (Abdul Razak *et al*, 2000). Perkembangan arus teknologi maklumat yang serba canggih ini membawa banyak perubahan baru kepada perkembangan komunikasi, sistem kewangan dan perbankan, reformasi pendidikan dan latihan, penyelidikan dan pembangunan (R&D), industri percetakan dan penerbitan, pengeluaran komputer dan berbagai-bagai perisian yang terkini. (Abdul Rahim, 2000).

Apabila membincangkan tentang teknologi pendidikan, ramai yang menyatakan bahawa teknologi pendidikan berkaitan dengan produk seperti slaid, pita video, transparensi dan perisian komputer. Ada juga pendapat yang mengaitkan teknologi pendidikan dengan alat-alat elektronik seperti komputer dan projektor lut sinar. Sebenarnya, untuk menghuraikan definisi teknologi pendidikan bukan satu



perkara yang mudah. Kita perlu merujuk kepada peranan dan fungsi teknologi pendidikan dalam proses pengajaran dan pembelajaran (P & P).

Menurut Baharuddin, et al. (2000), teknologi pendidikan merujuk kepada suatu proses yang sistematik ke arah pembangunan produk yang boleh membantu menghasilkan suatu persekitaran pengajaran dan pembelajaran yang efisien dan efektif. Proses ini melibatkan peringkat mereka bentuk, pelaksanaan dan pemilihan proses pengajaran dan pembelajaran yang merangkumi pelbagai peralatan dan sumber.

Daripada definisi-definisi yang diberi, teknologi pendidikan tidak hanya memfokuskan kepada alat bahan bantu mengajar yang digunakan semasa pengajaran malah ia juga menekankan kepada penghasilan alat bahan bantu mengajar itu sendiri dan juga usaha-usaha untuk memperbaiki proses pengajaran dan pembelajaran. Teknologi pendidikan harus dilihat sebagai satu proses P & P yang menyeluruh seperti yang disarankan oleh Kobayashi (1987) dalam Baharuddin, et al. (2000). Kita dapat lihat bahawa hari demi hari proses pengajaran dan pembelajaran menjadi satu proses yang semakin kompleks dan penuh dengan cabaran. Adalah menjadi tanggungjawab setiap pendidik untuk menentukan kaedah dan pendekatan pengajaran yang terbaik untuk mewujudkan persekitaran pembelajaran yang menarik dan berkesan.

## **1.2 Latar Belakang Masalah**

Menurut Perdana Menteri Malaysia, Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad ketika membentangkan bajet tahun 2003 menyatakan bahawa dunia sedang menghadapi gelombang perubahan pantas disebabkan persekitaran ekonomi dunia yang sentiasa bergolak dan kecanggihan teknologi bertambah setiap hari. Bahang globalisasi telah menghangatkan persaingan ditambah pula dengan masalah percaturan politik juga kian memuncak. Kesannya, semua cabaran tersebut telah memberikan kesan terhadap negara.

*"Kita tiada pilihan lain, tetapi harus berdepan dengan realiti ini yang menuntut kita melakukan anjakan paradigma dalam pendekatan pengurusan ekonomi negara".*

(Berita Harian, 23.09.02, bajet 2003.)

Kenyataan di atas telah disokong oleh Mok Soon Sang, (2000) yang mengatakan bahawa bidang pendidikan di Malaysia turut mengalami perubahan dalam proses pembelajaran dan pengajaran iaitu dari pendidikan konvensional kepada pendidikan berasaskan maklumat akibat daripada proses globalisasi yang berlaku.

Menurut kajian yang dilakukan oleh Romzi (1994) dan Nor Hariza (1994) (Jurnal Pendidikan, Mei 1999) menyatakan bahawa di Malaysia, penggunaan alat bahan bantu mengajar (ABBM) yang berpusatkan kepada pelajar telah mula diperkenalkan penggunaannya di sekolah-sekolah pada tahun 1983. Kajian yang melibatkan 20 buah sekolah yang telah dipilih secara rawak untuk dijadikan sebagai sampel kajian ini adalah bertujuan untuk mendapat maklum balas mengenai penggunaan teknologi pendidikan berkomputer sebagai ABBM. Dapatan kajian menunjukkan bahawa proses pembangunan ABBM integrasi berkomputer di sekolah-sekolah di Malaysia bergerak lambat dan perlahan. Terdapat masih banyak lagi sekolah tidak mempunyai kemudahan komputer. Bilangan penggunaan komputer di sekolah-sekolah Malaysia adalah kurang daripada 10 unit bagi setiap sekolah. Kesannya, kaedah penyampaian pengajaran tradisional masih kekal di dalam proses pengajaran pelajar. Guru masih lagi menggunakan kapur untuk menulis (Jurnal Pendidikan, Mei 1999). Perkara ini jelas menunjukkan bahawa guru-guru di Malaysia ketinggalan di dalam mempelbagaikan lagi ABBM semasa proses pengajaran.

Senario berlainan berlaku jika dibandingkan dengan negara-negara maju seperti Amerika Syarikat, Amerika Syarikat, Belgium, Jerman, Belanda dan Perancis. Menurut kajian yang dilakukan oleh Brummelhius dan Plomp (1994) dalam Jurnal Pendidikan, (Mei 1999) menyatakan bahawa hampir 80 peratus di

negara-negara maju tersebut mempunyai kemudahan ABBM seperti komputer di dalam penggunaannya di sekolah. Kaedah pengajaran yang berasaskan bahan dan berpusatkan kepada pelajar telah mendatangkan manfaat kepada penyumbangan ekonomi negara tersebut kerana mempunyai ramai golongan yang celik IT. (Brummelhius dan Plomp, 1994)

Untuk merealisasikan hasrat tersebut, ia memerlukan perubahan strategi pengajaran guru daripada kaedah konvensional kepada strategi pengajaran yang berasaskan bahan dan berpusatkan kepada pelajar. Strategi ini merupakan strategi pengajaran dan pembelajaran yang berorientasikan kepada penggunaan pelbagai media pengajaran di dalam ABBM (Alat Bahan Bantu Mengajar) guru tersebut. Sistem pendidikan pada masa kini telah diterima sebagai suatu proses yang berterusan dan tidak terbatas di dalam satu konteks sahaja. Terdapatnya kekangan dan masalah di dalam bilik darjah menyebabkan pelajar tidak dapat menerima sepenuhnya maklumat yang disampaikan oleh pengajar. Terdapat juga konsep-konsep atau gambaran tertentu yang tidak dapat di perjelaskan oleh pengajar dalam kuliah biasa. Pelajar yang hanya mendengar apa yang diperkatakan oleh pengajar dan kadang kala ditunjukkan dengan gambaran yang statik terhadap tajuk yang disampaikan oleh pengajar. Perkara ini telah menyebabkan pelajar ini akan cenderung untuk mempunyai rumusan dan tanggapan yang salah mengenai sesuatu perkara.

Perbezaan keupayaan penerimaan daripada pelajar misalnya terdapat pelajar lemah yang tidak dapat memahami apa yang diajar dengan hanya membaca atau mendengar pengajaran pensyarah. Pensyarah seharusnya sedar akan wujudnya perbezaan individu di kalangan pelajar mereka. Perbezaan yang wujud di kalangan pelajar merupakan satu faktor mengapa sesetengah pelajar tidak dapat menguasai ilmu yang diajar di dalam kelas.

Menurut Zaidatul Akmaliah Lope Pihie & Habibah Elias (2000), terdapat tiga faktor yang perlu dipertimbangkan berkaitan dengan perbezaan individu ini iaitu:

- i. Individu berbeza dari segi fizikal, minat, kebolehan, kecenderungan, pengalaman, latar belakang keluarga, sikap dan matlamat.
- ii. Individu belajar mengikut cara sendiri dan kadar kepantasan sendiri. Mereka berbeza dari segi kaedah yang digunakan untuk mendapatkan pengetahuan dan juga darjah kecekapan yang dicapai.
- iii. Pembelajaran setiap individu dipengaruhi oleh minat, pengalaman lalu dan matlamat masa depan.

Kenyataan di atas telah disokong oleh Maimunah (1998), menyatakan bahawa kecemerlangan pelajar sering dikaitkan dengan kecemerlangan sekolah manakala kecemerlangan sekolah dilihat dari kecemerlangan guru. Aktiviti pengajaran dan pembelajaran yang lebih menekankan kepada penguatkuasaan fakta menyebabkan tanggapan sempit pelajar terhadap pelajaran. Akibatnya pelajar akan kurang berminat dan motivasi untuk belajar akan berkurangan. Oleh itu, adalah menjadi tanggung jawab seorang guru atau pensyarah untuk menimbulkan perasaan minat belajar di kalangan pelajar. Aktiviti pengajaran dan pembelajaran perlu dipelbagaikan supaya dapat menarik minat pelajar.

Perbezaan keupayaan penerimaan daripada pelajar juga menjadi isu penting. Sebagai contoh, jika terdapat pelajar lemah yang tidak dapat memahami apa yang diajar dengan hanya membaca atau mendengar pengajaran pensyarah, bagaimana mereka ini akan mendapat keputusan yang cemerlang di dalam peperiksaan dan mengaplikasikan serta mempraktikkan apa yang mereka pelajari apabila bekerja nanti? Pensyarah seharusnya sedar adanya perbezaan individu di kalangan pelajar. Perbezaan yang wujud di kalangan pelajar merupakan satu faktor mengapa sesetengah pelajar tidak dapat menguasai ilmu yang diajar di dalam kelas (Mok Soon Sang, 2000).

Salah sebuah institusi pengajian yang tidak mahu ketinggalan di dalam arus perubahan ini adalah Politeknik-politeknik di Malaysia. Politeknik merupakan sebuah institusi yang melahirkan tenaga kerja mahir dan separuh mahir dalam bidang kejuruteraan dan bukan kejuruteraan. Kini terdapat sebanyak 16 buah politeknik yang telah beroperasi sepenuhnya. Terdapat empat bidang yang ditawarkan iaitu bidang Kejuruteraan Mekanikal, Kejuruteraan Elektrik, Kejuruteraan Awam dan Perdagangan. Setiap bidang ini di letakkan di bawah jabatan masing-masing dan mempunyai seorang ketua jabatan. Kursus Diploma Pemasaran adalah di bawah Jabatan Perdagangan.

Malangnya, sistem pengajaran dan pembelajaran pelajar di Politeknik masih lagi mengekalkan sifat-sifat tradisional dan tidak melakukan perubahan daripada kaedah konvensional kepada strategi pengajaran yang berasaskan bahan dan berpusatkan kepada pelajar. Menurut pengalaman pengkaji yang menjalani latihan mengajar di Politeknik Port Dickson pada Mac 2003, penggunaan bahan-bahan bercetak seperti buku-buku, nota kuliah fotokopi dan transparensi menjadi bahan utama yang digunakan oleh pensyarah sebagai bahan rujukan untuk mengajar. Penggunaan bersifat multimedia seperti video, audio, animasi, grafik, integrasi teks dan visual tidak lagi diamalkan dan dipraktikkan. Pengkaji telah ditugaskan oleh Ketua Jabatan Perdagangan untuk mengajar pelajar Diploma Pemasaran semester 5 bagi subjek 'Aspek Gelagat Pengguna' dan telah diberikan tanggungjawab 3 bab terakhir untuk mengajar. Semasa menjalani latihan mengajar tersebut, pengkaji sukar di dalam menyampaikan isi kandungan topik semasa proses pengajaran. Didapati, topik Konsumerisme adalah yang paling sukar untuk pelajar memahami isi kandungan pengajaran. Perkara ini adalah disebabkan kerana topik ini mengandungi senarai akta-akta dan polisi yang berkaitan dengan proses kepenggunaan di Malaysia.

Pensyarah-pensyarah di Politeknik tersebut lebih gemar menggunakan kaedah tradisional iaitu menulis menggunakan pen *marker* di papan putih untuk mengajar dan tiada ABBM (Alat Bahan Bantu Mengajar) tambahan digunakan selain bahan tersebut. Perkara ini telah menimbulkan beberapa masalah yang melibatkan pensyarah.

## RUJUKAN

- Abdul Rahim Abdul Rashid (2000). "Wawasan Pembangunan-Isu dan Cabaran. Kuala Lumpur" : Utusan Publications & Distributors Sdn. Bhd.
- Abdul Razak Hamdan et al (2000). "Teknologi Maklumat. Kuala Lumpur" McGraw-Hill (Malaysia) Sdn. Bhd.
- Azizah Abdul Rahman & Sharifah Md. Nor (1993). "Pendidikan Vokasional Dalam Reformasi Pendidikan Di Malaysia: Satu Analisis." *Jurnal Pendidikan Kementerian Pendidikan Malaysia*. 56-65.
- Baharuddin, et al. (2000). "Siri Modul Pembelajaran Teknologi Pendidikan". Johor Bharu : Fakulti Pendidikan, Universiti Teknologi Malaysia.
- Chiam, Tah Wen (1979). Projek Perintis VCR. *Jurnal pendidikan*. ISSN 0126-5431. Jilid 7 Bil.1 Jul.1979.
- Ee Ah Meng (1999). "Pendidikan di Malaysia I : Falsafah Pendidikan, Guru dan Sekolah." (edisi kedua). Shah Alam : Penerbit Fajar Bakti Sdn. Bhd.
- Ee Ah Meng (1992). "Pedagogi-Satu Pengenalan." (edisi ketiga). Kuala Lumpur : Penerbit Fajar Bakti Sdn. Bhd.

Fatimah Ali (1980). "Media Murah Untuk Pengajaran-Pemilihan dan Pengeluaran".  
Kertas Kerja Seminar Kempen V, anjuran Persatuan Suluh Budiman. 6-8  
Disember.

Gould Marks, Loughton (1966). "Management Communication Through Audio-  
Visual Aids." London: Leonard Hill.

Imran Idris (1993). "Perubahan Dunia Vokasional- Satu Cabaran Kepada Sistem  
Pendidikan." *Jurnal Pendidikan Kementerian Pendidikan Malaysia*. 10-21.

Ismail Adnan.(1994). *Komputer dalam Pendidikan. Berita Kurikulum* Jilid 7. bil. 1 :  
Perkembangan Kurikulum, Kementerian Pendidikan Malaysia.

Kamus Dewan (2000). Edisi Tiga. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka,  
Kementerian Pendidikan Malaysia.

Maimunah Bujang (1998). *Persepsi Guru Tentang Program Perkembangan Staf di  
Sekolah: Satu Kajian di Beberapa Buah Sekolah Rendah Daerah Kuching*.  
Sarawak: Universiti Malaysia Sarawak.

Malisa Othman ( 2002). "Penggunaan Laman Web Di Dalam Proses Pengajaran Dan  
Pembelajaran Subjek Pelancongan Rekreasi (H 310). Satu Tinjauan Tinjauan  
Di Kalangan Pelajar Pengurusan Pelancongan, Politeknik Johor Bharu".  
Kolej Universiti Teknologi Tun Hussein Onn.

Md. Salleh Hassan, Musa Abu Hassan, Jamaludin Yusuf dan Md. Yadi Said (1995).  
*Penggunaan Video Untuk Menyebarkan Maklumat Pertanian : Satu Kajian  
Eksperimen*. Kertas Kerja Seminar Penyelidikan Pengembangan dan  
Komunikasi, Pusat Pengembangan dan Pendidikan Lanjutan, Universiti Putra  
Malaysia, Serdang.

Messier, W, F & Margaret Boh. (2002). "Auditing And Assurance Services In  
Malaysia." Kuala Lumpur: McGraw- Hill Malaysia Sdn. Bhd.

**Mohamad Najib Abdul Ghaffar (1999).** *Penyelidikan Pendidikan*. Skudai: Universiti Teknologi Malaysia.

**Mok Soon Sang (2001)** "Psikologi Pendidikan Untuk Kursus Diploma Perguruan Semester 1". Subang Jaya : Berita Publishing Sdn Bhd.

**Mok Soon Sang (2001)** "Psikologi Pendidikan Untuk Kursus Diploma Perguruan Semester 2". Subang Jaya : Berita Publishing Sdn Bhd.

**Mok Soon Sang (2001)** "Psikologi Pendidikan Untuk Kursus Diploma Perguruan Semester 3". Subang Jaya : Berita Publishing Sdn Bhd.

**Muhammad Zaki Ab. Muluk (2000).** *Tahap Pengetahuan dan Penggunaan Internet dalam Mencari Maklumat di Kalangan Pelajar Tahun Satu Diploma Kejuruteraan di ITTHO*. Institut Teknologi Tun Hussein Onn: Kajian Kes Sarjana Pendidikan.

**Noresah Baharom (1993).** *Kamus Dewan Edisi Baru*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.

**Norliza Mohamed Piah (2001).** "Siri Modul Pembelajaran, Modul Asas Rakaman Video." Kolej Universiti Teknologi Tun Hussein Onn: Kajian Kes Sarjana Pendidikan.

**Nunan (1996),** *Different Approaches: Theory and Practice in Higher Education Paper presented at the Higher Education Research and Development Society of Australasia*. Annual Conference, Perth, Western Australia, 8-12 July, 1996.

**Shahril @ Caril marzuki dan Habib Mat Som (1999).** "Isu Pendidikan Di Malaysia, Sorotan Dan Cabaran". Utusan Publications and Distributors Sdn Bhd : Kuala Lumpur.



PTTHM  
PERPUSTAKAAN TUNKU TUN AMINAH



Tomalin, C. (1986). *Video, TV & Radio In The English Class*. London: Macmillan Publisher Ltd.

Volmont, w.j (1995). *Greating Video For School Use*. Massachusetts : Allyn and Bacon

Yusup Hashim & Sharifah Alwiah Alsagoff (1999). "Pendidikan Jarak Jauh : Teori dan Amalan." Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.

Zaidatul Akmaliah Lope Pihie dan Habibah Alias (2000). *Pengajaran -- Pembelajaran Keusahawanan dan Ekonomi Asas*. Serdang: Penerbit Universiti Putra Malaysia.

Zaidatun Tasir dan Mohd Salleh Abu (2003). "Analisis Data Berkomputer, SPSS 11.5 For Windows". Kuala Lumpur. Venton Publishing (M) Sdn. Bhd.

(Berita Harian, 23.09.02, bajet 2003.)



PTTA UTHM  
PERPUSTAKAAN TUNKU TUN AMINAH